MALAYSIA MADANI

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# MAJLIS TAKLIMAT PROGRAM KEPAKARAN PARALLEL PATHWAY DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN DAN BIASISWA KKM SESI 2024/2025

**20 JUN 2024 (KHAMIS)**
**8.00 pagi - 12.30 tengah hari**
**Auditorium Perdana,**
**Kompleks Setia Perdana,**
**Jabatan Perdana Menteri.**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PUNCA KUASA

**< 2008**

Pengurusan dan
kelulusan
kemudahan cuti
belajar di bawah
JPA sepenuhnya

**2008**

JPA memberi
penurunan kuasa
kepada KKM bagi
pengurusan cuti
belajar dan
biasiswa HLP

**2018**

JPA memberi penuruna
n kuasa kepada KKM
berkaitan dasar dan
pengurusan kemudahan
cuti belajar dan biasiswa
HLP untuk Pegawai
Perubatan

**2020**

JPA memberi penuruna
n kuasa kepada KKM
berkaitan dasar dan
pengurusan kemudahan
cuti belajar dan biasiswa
HLP untuk Pegawai
Pergigian

**2021**

MJM bersetuju
kemudahan setara
CBBP Dengan
HLP
dipanjangkan kepada
Pegawai Lantikan
Kontrak (Perubatan &
Pergigian)

# LATAR BELAKANG CUTI BELAJAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1

## CUTI BELAJAR

- Perintah Am Bab C 1974 - Cuti Berkursus iaitu cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan jangka panjang secara sepenuh masa.
- Pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan **tidak dikira sebagai terputus perkhidmatan.**

2

## CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH

- Pegawai **dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun berkelayakan mengikut syarat**.
- Cuti yang diberi untuk pembangunan kompetensi dan bukan untuk kemajuan kerjaya.
- Ia boleh **diberi untuk dua (2) kali sepanjang perkhidmatan**

3

## HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN

Merujuk kepada tajaan biasiswa yang diberi oleh Kerajaan Malaysia iaitu **elaun kemudahan** yang layak bagi pegawai seperti **yuran pengajian dan bantuan-bantuan lain yang dinyata dalam perjanjian.**

# PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN DENGAN BIASISWA KKM

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- **"Program Latihan Kepakaran"** bermakna kemudahan latihan dengan pelepasan khas yang diluluskan oleh Kerajaan kepada Pegawai Perubatan Lantikan Kontrak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengikuti Program Latihan Kepakaran Parallel Pathway dalam dan luar negara. Dalam tempoh latihan tersebut, pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan elaun-elaun lain yang berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan.

- **"Biasiswa"** bermakna elaun dan kemudahan seperti yuran Pengajian serta bantuan-bantuan lain yang PEGAWAI berkelayakan semasa dalam tempoh berkursus.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PENGENALAN PROGRAM KEPAKARAN PARALLEL PATHWAY

- Program Kepakaran Parallel Pathway dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) KKM telah dilaksanakan mulai September 2016.
- Menghasilkan Pegawai Perubatan Pakar dalam tempoh latihan yang di tetapkan.
- Kemudahan latihan yang disediakan merangkumi 14 bidang kepakaran.















KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# KEADAH PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN PARALLEL PATHWAY

## SEPENUHNYA DALAM NEGARA

| BIDANG | TEMPOH LATIHAN (TAHUN) |
|---|---|
| **PEPERIKSAAN DALAM NEGARA** | |
| Urologi | 4 |
| Perubatan Keluarga (MinTFM) | 4 |
| Perubatan Keluarga (FRACGP) | 4 |
| Pediatrik | 4 |
| Perubatan Dalaman | 4 |
| **PEPERIKSAAN LUAR NEGARA** | |
| Anestesiologi | 6 |
| Radiologi | 4 |
| Obstetrik dan Ginekologi | 4 |
| Oftalmologi | 4 |
| Psikiatri | 4 |

## KOMBINASI DALAM DAN LUAR NEGARA

| BIDANG | TEMPOH LATIHAN (TAHUN) | |
|---|---|---|
| | DALAM NEGARA | LUAR NEGARA |
| Surgeri Kardiotorasik | 5 | 1 |
| Pembedahan Plastik | 3 | 1 |
| Klinikal Onkologi | 2 | 2 |
| Perubatan Kecemasan | 4 | 1 |
| Forensik | 2 | 2 |

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# IKATAN PERJANJIAN DAN PENALTI

| | KAEDAH PENGAJIAN | IKATAN/ GANTI RUGI |
|---|---|---|
| Pelatih Prospektif | Kombinasi Dalam dan Luar Negara | 7 tahun berkhidmat dan/atau RM700,000 |
| | Sepenuhnya Dalam Negara | 5 tahun berkhidmat dan/atau RM350,000 |
| | Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan Luar Negara) | 6 tahun berkhidmat dan/atau RM500,000 |
| Pelatih Sedia Ada | Kombinasi Dalam dan Luar Negara | 4 tahun berkhidmat dan/atau RM350,000 |
| | Sepenuhnya Dalam Negara | 3 tahun berkhidmat dan/atau RM100,000 |

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PERINGATAN



➢Tindakan penalti kepada pemegang Biasiswa/HLP kerajaan berkuatkuasa:

- kepada semua pegawai yang memulakan pengajian **mulai 1 Januari 2012**; dan
- selaras dengan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian dengan Jaya yang dikeluarkan oleh agensi pusat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

➢Pengecualian penalti diberi kepada pegawai yang mempunyai masalah kesihatan iaitu penyakit kronik.

➢Tindakan penalti ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat penalti yang sedang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# KEMUDAHAN TAJAAN

## DALAM NEGARA

Bagi tempoh pengajian/ latihan dalam negara pegawai menerima kemudahan **Separa HLP**

## LUAR NEGARA

Bagi tempoh pengajian/ latihan luar negara pegawai menerima kemudahan **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan HLP**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# KEMUDAHAN TAJAAN DALAM NEGARA (SEPARA HLP)

### ELAUN BUKU

RM750/ sekali setahun

### YURAN PENGAJIAN

Dibayar secara terus kepada institusi latihan

(jika berkaitan)

### YURAN PEPERIKSAAN

Tuntutan bayaran balik yuran peperiksaan

(mengikut bidang)

***Nota : Tuntutan Yuran Peperiksaan perlu dikemukakan selewat-lewatnya 10hb bulan berikutnya dari tarikh peperiksaan diambil***

# KEMUDAHAN TAJAAN DALAM NEGARA (SEPARA HLP)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## PENGAJIAN DALAM NEGARA, PEPERIKSAAN LUAR NEGARA

- Passport
- Visa
- Pemeriksaan Kesihatan
- Tuntutan Perjalanan
- Tuntutan Penginapan

***Nota : Tuntutan daripada pegawai perlu dikemukakan sebelum 10hb bulan berikutnya bersama-sama resit bayaran, bukti pembayaran dan butiran tuntutan. Tuntutan maksimum di luar negara sehingga tujuh (7) hari.***

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# KEMUDAHAN TAJAAN (LUAR NEGARA HLP)

### Elaun Sara Hidup
- Dibayar setiap 3 bulan
- Mengikut kadar negara & bujang

### Elaun Buku
- Dibayar sekali setahun
- Mengikut kadar negara

### Elaun Perkakas
- Mengikut kadar negara

### Elaun Penempatan
- Dibayar sekali sepanjang latihan sebelum mula pengajian
- Mengikut kadar negara

### Elaun Akhir Pengajian
- Dibayar sekali sahaja selepas tamat latihan
- Mengikut kadar negara

### Elaun Pakaian Panas
- RM1,500
- Tertakluk kepada kelulusan
- Belum menerima Elaun dalam tempoh 3 tahun atau kurang

### Yuran Pengajian
- Dibayar terus kepada institusi (jika berkaitan)

### Tuntutan Tambang Perjalanan
- Kelas Ekonomi
- Sekali di awal dan sekali di akhir pengajian

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# KEMUDAHAN TAJAAN (LUAR NEGARA HLP)




**HLP LUAR NEGAR: TUNTUTAN SEBELUM KELUAR NEGARA**

- **PASSPORT**
- **MEDICAL CHECK UP**
- **INSURANS KESIHATAN**
- **VISA**
- **TIKET PENERBANGAN**

***Hanya tuntutan yang lengkap sahaja akan diproses, tuntutan hendaklah dihantar sebelum berlepas ke penempatan di luar negara. Sebarang tuntutan yang lewat diterima yang melangkaui tahun semasa tidak dapat dipertimbangkan/ diproses/ tidak dibayar.***

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PERJALANAN PROGRAM LATIHAN

- Pegawai dikehendaki memulakan program ini mengikut tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang penanggguhan.
- Perlu mematuhi penempatan tempat dan tempoh masa latihan yang telah ditetapkan sepanjang program ini berjalan seperti dalam Pelan Latihan.
- *Plan of study /content of training*

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PERJALANAN PROGRAM LATIHAN

## LATIHAN DALAM NEGARA

**SEBELUM MULA LATIHAN:**

- Surat Tawaran Sementara
- Surat Setuju Terima
- Kontrak Perjanjian – 14 hari dari tarikh taklimat
- Surat Pelan Latihan
- Surat Kelulusan Jalani Latihan dari BPL
- Kalender peperiksaan, syarat-syarat peperiksaan

**SEMASA DALAM LATIHAN:**

- Surat Lapor Diri Mula Latihan di setiap penempatan Latihan (5 hari dari Tarikh mula latihan).
- Surat Tamat Latihan di setiap penempatan Latihan (5 hari dari Tarikh tamat latihan).
- Peperiksaan : tarikh, invoice dari institusi peperiksaan.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PERJALANAN PROGRAM LATIHAN

## LATIHAN DALAM NEGARA

**TAMAT LATIHAN:**

- Maklumkan kepada Urus Setia 1 bulan sebelum tarikh tamat latihan melalui email.
- Lapor diri di BPL mengikut tarikh Surat Kelulusan
- Kemuka surat tamat latihan dari Ketua Kepakaran
- Sijil Peperiksaan.
- Lain-lain dokumen
- Surat Lapor diri tamat latihan akan di keluarkan oleh pihak Urusetia.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PERJALANAN PROGRAM LATIHAN

## LATIHAN LUAR NEGARA

**SEBELUM MULA LATIHAN LUAR NEGARA:**

- Pegawai dikehendaki memulakan latihan mengikut tarikh yang telah ditetapkan tanpa sebarang penangguhan.
- Pegawai perlu mengemukakan permohonan lengkap Latihan Ke Luar Negara 6 bulan sebelum tarikh mula latihan beserta dokumen berkaitan (Surat Tawaran Rasmi institusi, lain-lain dokumen Medical Council, APHRA, Salinan VISA, passport, penyata gaji)
- Surat Kelulusan Latihan Luar Negara dari Urusetia BPL sebelum memulakan pengajian.
- Surat *Financial Affidavit* dan *Confirmation of Employment* di sediakan oleh Urusetia
- Borang Permohonan Peperiksaan Luar Negara 6 bulan sebelum tarikh peperiksaan dijalankan

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PERJALANAN PROGRAM LATIHAN

## LATIHAN LUAR NEGARA

**SEMASA DALAM LATIHAN**

- Surat Pengesahan Mula Latihan dari Institusi (5 hari selepas lapor diri).
- Plan of Study/Carta Gantt.
- Struktur Latihan dan Modul Latihan
- PSD Form

**TAMAT LATIHAN**

- Maklumkan kepada Urus Setia 1 bulan sebelum tamat latihan.
- Lapor Diri di BPL
- Surat Tamat latihan dari Institusi
- Surat Tamat Latihan Luar Negara/Keseluruhan akan di keluarkan oleh Urus Setia.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# LAPOR DIRI TAMAT LATIHAN LUAR NEGARA

Pegawai dikehendaki melapor diri ke BPL, KKM:

- Setelah **tamat tempoh pengajian**, sama ada dengan jaya atau tidak; atau
- Setelah tamat pengajian atau tamat tempoh Cuti Belajar **mana yang terdahulu**; atau
- Gagal atau ditamatkan pengajian; atau
- Menarik diri dari pengajian.

Dokumen yang perlu dikemukakan adalah:

- Borang pengesahan tamat pengajian dan lulus dengan jayanya daripada Universiti; atau
- Keputusan peperiksaan akhir; atau
- Surat pengesahan status terkini daripada Universiti (bagi yang belum menamatkan pengajian).

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# LAPOR DIRI TAMAT LATIHAN KESELURUHAN

| |
|---|
| Melapor diri ke BPL selepas tamat keseluruhan latihan |
| Sila kemukakan :<br>• Maklumkan **1 bulan sebelum** tamat latihan kepada Urus Setia.<br>• Pengesahan tamat latihan oleh Penyelia<br>• Keputusan peperiksaan<br>• Sijil Latihan<br>• Borang pengesahan kehadiran dan borang pengesahan tamat latihan di penempatan<br>• Surat Tamat Latihan Keseluruhan akan dikeluarkan oleh Urusetia. |

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PENANGGUHAN DAN PELANJUTAN PROGRAM LATIHAN

## TATACARA PERMOHONAN

Permohonan Selewat-lewatnya 3 Bulan Sebelum Tarikh Penangguhan/Pelanjutan

Dokumen Diperlukan :
- Borang Penangguhan/Pelanjutan Yang Lengkap
- Surat Kebenaran Ketua Jabatan/Penyelia
- Laporan Kemajuan Kursus (*Gantt Chart*)

## SEBAB

Bersalin dan cuti sakit yang berpanjangan sahaja (dengan perakuan Pegawai Perubatan)

## TEMPOH

Tempoh maksimum adalah 6 bulan sahaja.

## KESAN

Bayaran elaun HLP akan ditangguhkan.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# TARIKH MULA LATIHAN

| Bil. | Bidang | Tarikh Mula Latihan |
|---|---|---|
| 1. | Urologi | 1 Julai 2024 |
| 2. | Klinikal Onkologi | |
| 3. | Pediatrik | |
| 4. | Perubatan Dalaman | |
| 5. | Anestesiologi | |
| 6. | Radiologi | |
| 7. | Obstetrik dan Ginekologi | |
| 8. | Oftalmologi | |
| 9. | Psikiatri | |
| 10. | Kecemasan dan Trauma | |
| 11. | Perubatan Keluarga | TBC |
| 12. | Pembedahan Plastik | TBC |
| 13. | Surgeri Kardiotorasik | TBC |

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# TATATERTIB

- Semasa mengikuti pengajian, pegawai perlu menjaga tatakelakuan sebagai penjawat awam.

    - Jika didapati pegawai terlibat dalam sesuatu kegiatan atau mengeluarkan kenyataan atau penerbitan yang tidak bertanggungjawab,
    - termasuk tidak mematuhi syarat-syarat Cuti Belajar ini,
    - maka kelulusan Cuti Belajar akan ditarik balik dan tindakan tatatertib boleh dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

- Gagal lapor diri di BPL setelah tamat latihan dan penalti langgar syarat kontrak.

# KELAYAKAN CUTI PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN PARALLEL PATHWAY

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KELAYAKAN CUTI

### PROGRAM LATIHAN DALAM NEGARA

- Pegawai berkelayakan Cuti Rehat (CR) mengikut kelayakan penjawat awam yang sedang berkhidmat tertakluk kepada Perintah Am Bab C

### PROGRAM LATIHAN LUAR NEGARA

- Pegawai akan diberi kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) sepanjang tempoh latihan di luar negara.



### CUTI REHAT SELEPAS ATTACHMENT LUAR NEGARA

- Kelayak cuti rehat pegawai layak di bawa ke hadapan sekiranya tempoh CBBP di luar negara **genap/ tidak melebihi 12 bulan**
- Sekiranya tempoh CBBP melebihi 12 bulan, baki cuti yang tidak dihabiskan sebelum CBBP berkuatkuasa akan **luput**

### LUAR NEGARA

- Layak Cuti Berkusus selama tujuh (7) hari sebelum mula pengajian dan tujuh (7) hari selepas tamat bagi tujuan perjalanan pergi/ pulang dan tempoh menunggu.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# HAL-HAL LAIN

- Institusi/fasiliti latihan dalam dan luar negara: patuhi penempatan yang ditetapkan.
- Latihan luar negara: kos rumah sewa dan lain-lain adalah ditanggung oleh pelatih (jika kembali ke malaysia).
- Invois yuran pengajian/peperiksaan: perlu dikemukakan kepada Urus Setia.
- Tuntutan perjalanan semasa dalam tempoh latihan (dalam dan luar negara): tidak layak

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# HAK KERAJAAN

- Kerajaan berhak menarik balik kelulusan cuti belajar ini sekiranya pegawai ingkar atau tidak mematuhi mana-mana syarat dan ketetapan Garis Panduan ini.

- Kerajaan berhak meminda syarat-syarat dan ketetapan cuti belajar ini dari semasa ke semasa tanpa memberi notis dan pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut.

- Kerajaan juga berhak menarik balik kelulusan cuti belajar ini tanpa memberikan sebarang notis.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# SEKIAN, TERIMA KASIH.

**Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1**
**(Program Kepakaran 2)**
**Bahagian Pengurusan Latihan**
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

# URUSETIA PROGRAM PARALLEL PATHWAY

PUAN NUR IRMAWARNI MOHAMAD
NO. TEL: 03-8885 0600 EXT 6136
EMEL: irmawarni@moh.gov.my

ENCIK AHMAD AIMAN HAZIQ BIN AHMAD JALAINI
NO. TEL: 03-8885 0681
EMEL: aimanhaziq.jai@moh.gov.my

PUAN NORFIDA BINTII ABD RAHIM
NO. TEL: 03-8885 0600 EXT 6189
EMEL: norafida.ar@moh.gov.my

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# SENARAI SEMAK DOKUMEN PENDAFTARAN

LAMPIRAN 1

SENARAI SEMAK
DOKUMEN PENDAFTARAN
LATIHAN KEPAKARAN PARALLEL PATHWAY
DENGAN HLP/BIASISWA KKM

Nama NAMA CALON

Sesi 2024/2025

Arahan **Pegawai hendaklah mengisi semua maklumat di dalam borang yang disertakan dan** menyertakan lampiran yang berkaitan. Tawaran ini terbatal sekiranya pegawai mengemukakan maklumat tidak lengkap / tidak sempurna / tidak tepat / palsu

| | Diisi Oleh Calon | KKM |
|---|---|---|
| 1. Surat Setuju Terima Tawaran Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* | ☐ | ☐ |
| 2. Salinan Kad Pengenalan (Disahkan) | ☐ | ☐ |
| 3. Borang Pengakuan dan Pemeriksaan Kesihatan | ☐ | ☐ |
| 4. Pengesahan Pengisytiharan Harta Pegawai | ☐ | ☐ |
| 5. Salinan Akaun Bank Gaji | ☐ | ☐ |
| 6. Surat Kebenaran Potongan Gaji (Lampiran A) | ☐ | ☐ |
| 7. Dokumen Perjanjian 3 salinan | ☐ | ☐ |

DIISI OLEH CALON

Tandatangan Calon

Tarikh TARIKH TANDATANGAN

UNTUK KEGUNAAN BPL KKM

Nama
Cop Jawatan

Tarikh

Kemas kini pada April 2023

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN

LAMPIRAN A

**SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* DENGAN HLP/BIASISWA KKM**

(Nama dan Alamat Pegawai)

..................................................
NAMA CALON
DAN ALAMAT
RUMAH TERKINI

Tarikh No. TARIKH SEMASA
Tel./Email NO H/P DAN EMAIL TERKINI

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya
**(u.p: Urusetia Program Kepakaran 2)**

Tuan,

**SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN TETAP LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* * DENGAN HLP / BIASISWA KKM**

| | |
|---|---|
| **KURSUS** | BIDANG SEPERTI DALAM SURAT TAWARAN BERSYARAT |
| **PENEMPATAN LATIHAN** | FASILITI KKM |
| **TEMPOH/TARIKH LATIHAN** | **: : DARI HINGGA** |
| **KAEDAH PENGAJIAN** | **: DALAM NEGARA SEPENUHNYA/ KOMBINASI/PEPERIKSAAN LUAR NEGARA** |
| **PENAJA** | : KKM |

Dengan hormatnya saya (nama)......NAMA CALON......,

No: K/P ......I/C CALON...... ..............merujuk surat tuan rujukan KKM

SURAT TAWARAN BERSYARAT________ bertarikh TARIKH SURAT TAWARAN BERSYARAT mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Saya mengesahkan bahawa saya bersetuju:

☐ Menerima tawaran tetap Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* * Dengan HLP / BIASISWA KKM dan mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan.

☐ Menolak tawaran tetap Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* * Dengan HLP / BIASISWA KKM.

# SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

3. Saya telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk mematuhi semua syarat-syarat dan tempoh kelulusan yang telah ditetapkan dalam surat tawaran sementara, surat kelulusan tetap, surat kelulusan ke luar negara, surat penempatan pelan latihan dan kontrak perjanjian.

4. Saya faham dan memahami bahawa kegagalan mematuhi syarat syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan saya di ambil **tindakan tatatertib** (ingkar perintah) selaras Perintah Am Bab D dan **dikenakan penalti/gantirugi selaras dengan kontrak perjanjian**. Saya juga **bersetuju untuk membuat potongan melalui gaji** diatas penalti/gantirugi jika dikenakan keatas saya.

*Potong bagi yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

( ............................................................ )

Nama :

No. K/P : MAKLUMAT

Tarikh : CALON

Email :

**Nota:**

**1. Sila Kembalikan Borang ini dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Tawaran Bersyarat / Surat Kelulusan Tetap/Surat Kelulusan Keluar Negara.**

**2. Bagi Surat Tawaran Bersyarat / Kelulusan Tetap nyatakan tempoh keseluruhan dan tarikh latihan.**

**3. Bagi Latihan di Luar Negara mohon nyatakan tempoh kelulusan dan tarikh latihan di Luar Negara.**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# DOKUMEN (SALINAN KAD PENGENALAN)




SALINAN PERLU DIAKUI SAH

# BORANG KESIHATAN

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
***(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)***

**BORANG PENGAKUAN DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN**
***(HEALTH DECLARATION AND MEDICAL EXAMINATION FORM)***

Calon-calon hendaklah mengisi maklumat di **Bahagian A** dan serahkan borang kepada Pegawai Perubatan yang diiktiraf untuk mengisi maklumat **di Bahagian B.**
*(Section A to be completed by student and Section B to be completed by certified physician)*

Sila gunakan pen mata bola **HITAM** sahaja untuk mengisi borang ini
*(Kindly use **BLACK** ink ball pen only to fill up this form)*

**MAKLUMAT PERIBADI *(PERSONAL DETAILS)* :**

Nama *(Name)* : ______________________

No. K/P *(I/C No.)* : ______________________

**LENGKAPKAN BUTIRAN PERIBADI DAN MAKLUMAT KESIHATAN DI DALAM BORANG KESIHATAN**

Alamat *(Address)* : ______________________

______________________

______________________

No. Tel. *(Tel. No.)* : ______________________

Taraf Perkahwinan *(Marital Status)* : ______________________

Tarikh Lahir *(Date of Birth)* : ______________________

Tempat Lahir *(Place of Birth)* : ______________________

Nama, Hubungan, Alamat dan No. Untuk Dihubungi Waris

*(Name, relationship, address and contact no. of next of kin)* :

______________________

______________________

______________________

# SALINAN PENYATA AKAUN BANK GAJI

**CIMB BANK**

CIMB Bank Berhad (13491-P)

**Statement of Account**

[redacted]

| | |
|---|---|
| **Page** / *Halaman* | Page 1 of 7 |
| **Statement Date** / *Tarikh Penyata* | 06/04/2024 |

**SALINAN AKAUN GAJI CALON**

**Summary of Your Total Relationship Bonus Points** / *Ringkasan Mata Ganjaran Hubungan Anda*

| Points Earned<br>*Mata Diperolehi* | Points Redeemed<br>*Mata Ditukarkan* | Points Transferred<br>*Mata Dipindahkan* | Total Points Available<br>*Jumlah Mata Terkini* |
|---|---|---|---|
| 0 | 409 | 0 | [redacted] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Points Expiring By<br>*Mata Yang Akan Lupus Pada* | [redacted] | Amount of Points Expiring<br>*Jumlah Mata Yang Akan Lupus* | [redacted] |

**Savings Account Transaction Details** / *Butir-butir Transaksi Akaun Simpanan*

**Account No** / *No Akaun* [redacted] *Protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor)*

| Date<br>*Tarikh* | Description<br>*Diskripsi* | Ref No<br>*No. Rujukan* | Withdrawal<br>*Pengeluaran (RM)* | Deposits<br>*Deposit (RM)* | Tax<br>*Cukai (RM)* | Balance<br>*Baki (RM)* |
|---|---|---|---|---|---|---|

SALINAN PERLU DIAKUI SAH

# SURAT KEBENARAN POTONGAN GAJI

**LAMPIRAN A**

Rujukan tuan : KOSONGKAN

Tarikh :

Pejabat Pembayar:

____KOSONGKAN____

______________________

(U.P. : Unit Gaji)

Tuan/Puan,

**SURAT KEBENARAN POTONGAN GAJI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya, (nama): ___NAMA CALON___ No KP: ___I/C CALON___ yang bertandatangan di bawah ini memohon dan membenarkan tuan/puan memotong semua jumlah tuntutan sebanyak RM_KOSONGKAN_ (Ringgit Malaysia:__________ ____KOSONGKAN____) dari gaji saya sebagai bayaran gantirugi/penalti* kerana menarik diri /gagal pengajian/meletak Jawatan dalam tempoh ikatan kontrak*. Saya bersetuju potongan dibuat melalui kaedah berikut:

PILIH SALAH SATU

☐ (a) Ansuran melalui Arahan Potongan Gaji (APG) mengikut kadar dalam jadual ansuran yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Ikatan Kontrak mulai bulan _KOSONGKAN_ tahun KOSONGKAN**

☐ (b) Potongan sekaligus melalui bayaran gaji bulan KOSONGKAN.**

*(*Sila potong yang tidak berkenaan.*
***Sila tandakan 'X' dalam kotak yang dipilih.)*

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

______________ TANDATANGAN DAN NAMA CALON , TARIKH SEMASA
(Tandatangan)
Nama:______________
Tarikh:______________

# PERJANJIAN PEGAWAI TETAP

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

A

**MATI SETEM LHDN SECARA DIGITAL / LEKATKAN SETEM HASIL**

## PERJANJIAN

1

(Am 19c–LDP Tetap)
([redacted])

**TARIKH MATI SETEM DI LHDN**

PERJANJIAN ini dibuat pada.......................................haribulan..............................................Dua ribu ....................................(20............) DI ANTARA **ISI NAMA PEGAWAI ( HURUF BESAR)** ........................................................................ No. Kad Pengenalan **I/C PEGAWAI** ........................................ yang beralamat di **ISI ALAMAT LENGKAP PEGAWAI ( HURUF BESAR)** ........................................................................(kemudian daripada ini disebut PEGAWAI) sebagai pihak pertama, DENGAN KERAJAAN MALAYSIA, (kemudian daripada ini disebut KERAJAAN) sebagai pihak kedua.

BAHAWASANYA:

1. PEGAWAI pada tarikh Perjanjian ini adalah dalam Perkhidmatan Kerajaan/Kerajaan Negeri/ Agensi-agensi di bawahnya.

2. PEGAWAI telah memohon dan KERAJAAN telah bersetuju menghadiahkan suatu Hadiah Latihan untuk membolehkan PEGAWAI mengikuti kursus latihan yang butir-butirnya dinyatakan dalam Jadual kepada Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI—

3. Sebagai balasan bagi perkara-perkara di atas, PEGAWAI dengan ini bersetuju:

*(a)* bahawa, dia akan mengikuti dan dengan sesungguhnya meneruskan kursus latihan yang dikehendaki oleh KERAJAAN dan yang butir-butirnya dinyatakan dalam **Jadual** kepada Perjanjian ini dan bahawa dia akan menyempurnakan kursus latihan yang tersebut itu dalam masa yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** kepada Perjanjian ini atau dalam sesuatu masa yang lebih lama lagi sebagaimana yang diluluskan oleh KERAJAAN;

*(b)* bahawa, pada sepanjang kursus latihan itu, dia tidak akan mengambil bahagian dalam apa-apa juga kegiatan yang difikirkan oleh KERAJAAN tidak berfaedah kepada PEGAWAI atau negara dan akan berhenti daripada mengambil bahagian selanjutnya dalam kegiatan itu, jika dikehendaki berbuat demikian;

*(c)* bahawa, bagi maksud kursus latihan itu, dia akan belajar di suatu atau di beberapa tempat dalam Malaysia sebagaimana diarah oleh KERAJAAN dari semasa ke semasa, dan bahawa dia akan tertakluk kepada apa-apa peraturan dan apa-apa peraturan lain sebagaimana yang berkuat kuasa, dari semasa ke semasa yang terpakai kepada pegawai awam;

*(d)* bahawa, dia akan mematuhi segala peraturan-peraturan yang ditetapkan atau dikenakan kepada PEGAWAI oleh institusi pengajian/latihan yang dia dikehendaki menghadiri dalam masa tempoh latihan itu yang di bawah arahannya kursus latihannya itu atau mana-mana bahagiannya dijalankan

*(e)* bahawa, dia akan terus berkhidmat dengan Kerajaan/Kerajaan Negeri/Agensi-agensi di bawahnya dalam sesuatu jawatan dengan pangkat yang tidak rendah daripada yang disandangnya sebelum dia pergi berkursus di bawah Hadiah Latihan ini bagi tempoh selama **KOSONGKAN** .................................... mulai dari tarikh dia menamatkan kursus latihan itu sama ada jayanya ataupun tidak.

4. Sebagai balasan bagi perkara-perkara di atas, KERAJAAN dengan ini bersetuju untuk menghadiahkan kepada PEGAWAI suatu Hadiah Latihan bagi mengikut kursus latihan sepertimana yang dinyatakan dalam **Jadual** kepada Perjanjian ini.

5. *(a)* Maka adalah lagi dipersetujui dan diakui bahawa jika PEGAWAI pada bila-bila masa dalam masa tempoh kursus latihannya—

(i) telah pada pendapat KERAJAAN berkelakuan secara yang telah menjatuhkan nama baiknya atau nama baik Malaysia, atau selainnya menunjukkan dirinya sebagai tidak mengendahkan kursus latihannya;

(ii) telah melanggar peruntukan di bawah Fasal 3 *(b)*;

maka tanpa menjejaskan hak-hak lain KERAJAAN di bawah Perjanjian ini, dan dalam mana-mana hal yang sedemikian KERAJAAN boleh mengikuti budi bicaranya yang mutlak menamatkan **Hadiah Latihan** ini dan dengan demikian PEGAWAI tidak lagi berhak kepada apa-apa faedah di bawah Perjanjian ini.

*(b)* Penamatan menurut perenggan *(a)* fasal ini adalah muktamad.

6. Maka adalah lagi dipersetujui dan diakui bahawa jika PEGAWAI:

**INITIAL DISINI**

(i) meninggalkan kursus latihannya sebelum sempurnanya kursus itu dengan tiada persetujuan KERAJAAN; atau

(ii) mendapati Hadiah Latihan ditamatkan menurut Fasal 5 di atas; atau

(iii) berhenti daripada atau meletakkan jawatan dalam perkhidmatan KERAJAAN atau Kerajaan mana-mana Negeri atau Agensi-agensi di bawahnya dengan melanggar Perjanjian di bawah Fasal 3 *(e)* dalam Perjanjian ini dengan tiada persetujuan KERAJAAN; atau

(iv) dibuang kerja daripada perkhidmatan KERAJAAN kerana salah laku, kecuaian atau tidak mengendahkan kewajipan-kewajipannya dalam masa tempoh yang dia telah bersetuju berkhidmat di bawah Fasal 3 *(e)* dalam Perjanjian ini; atau

(v) enggan, atau oleh kerana salah lakunya sendiri menjadikan dirinya tidak sesuai, untuk berkhidmat atau terus berkhidmat mengikut peruntukan Fasal 3 *(e)* dalam Perjanjian ini,

maka dalam mana-mana hal yang sedemikian itu, PEGAWAI hendaklah bertanggungjawab bagi pihak dirinya, waris-waris, wasi-wasi atau penerima-penerima serahaknya membayar kepada KERAJAAN apabila diminta wang sebanyak **KOSONGKAN** ............................................................

7. Maka dengan ini adalah dipersetujui dan diakui bahawa walaupun apa-apa jua yang terkandung di atas yang berlawanan, KERAJAAN boleh dengan memberi sebulan notis bertulis kepada PEGAWAI membatalkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan tidak memberi apa-apa sebab dan dengan demikian segala faedah dan tanggungan bagi PEGAWAI di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti, melainkan jika pada masa itu PEGAWAI berada di luar negara, maka KERAJAAN hendaklah memberi PEGAWAI tambang balik ke Malaysia mengikut jalan laut atau udara dan dengan mengikut kelas sebagaimana yang ditentukan oleh KERAJAAN.

8. Maka dengan ini adalah dipersetujui dan diakui bahawa **Jadual** kepada Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

**INITIAL DISINI**

9. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa Surat Tawaran Hadiah Latihan Rujukan Nombor.......... **KOSONGKAN** .......... bertarikh.......... **KOSONGKAN** .......... hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL-HAL TERSEBUT DI ATAS maka pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada haribulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH:

ISI NAMA PEGAWAI (HURUF BESAR)
.................................................
(Nama Pegawai Yang Berkursus)

TANDATANGAN PEGAWAI
.................................................
(Tandatangan Pegawai Yang Berkursus)

di hadapan

Nama Saksi ............ ISI (HURUF BESAR)

Alamat ............ ISI ( HURUF BESAR)

.................................................

.................................................

Pekerjaan ............ ISI ( HURUF BESAR)

No. Kad Pengenalan ............

TANDATANGAN SAKSI DARI PEGAWAI KERAJAAN (KUMPULAN P&P)
.................................................
(Tandatangan Saksi)

COP RASMI JAWATAN DAN JABATAN SAKSI DISINI

DITANDATANGANI DAN DIMETERI OLEH:

KOSONGKAN
.................................................
(Nama Pegawai Yang Diberi Kuasa)

KOSONGKAN
.................................................
(Tandatangan Bagi Pihak KERAJAAN)

bagi pihak KERAJAAN MALAYSIA
di hadapan

Nama Saksi ............ KOSONGKAN

Alamat ............ KOSONGKAN

.................................................

.................................................

Pekerjaan ............ KOSONGKAN

No. Kad Pengenalan ............

KOSONGKAN
.................................................
(Tandatangan Saksi)

# JADUAL

TARIKH MATIKAN SETEM DI LHDN

Ini Jadual yang disebutkan dalam Perjanjian yang dibuat pada ............ haribulan ............

Dua ribu ............ (20 ............) DI ANTARA ............

ISI NAMA PEGAWAI ( HURUF BESAR)
............ yang beralamat di ............

ISI ALAMAT LENGKAP ( HURUF BESAR)
.................................................

............ sebagai pihak pertama DENGAN KERAJAAN MALAYSIA sebagai pihak kedua.

Butiran 1. Nama Kursus:

ISI NAMA KURSUS YANG DIIKUTI ( HURUF BESAR)

Butiran 2. Tempat Kursus:

ISI TEMPAT KURSUS BERLANGSUNG ( HURUF BESAR)

Butiran 3. Tarikh dan Tempoh Kursus:

ISI TARIKH SERTA TEMPOH KURSUS YANG DIIKUTI ( HURUF BESAR)

# PERJANJIAN PEGAWAI KONTRAK

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- Pind. CBBPHLP 1/2020

SISTEM BERSEPADU

Ruang Setem Hasil (sila matikan setem di LHDN)

**PERJANJIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH**

**DENGAN**

**HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN**

KETIP

ANTARA

**KERAJAAN MALAYSIA**

DAN

NAMA SEPERTI DI DALAM PERJANJIAN

KETIP

TARIKH MATI SETEM DI LHDN

Bertarikh pada hari bulan 20

2.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak yang tersebut dalam PERJANJIAN ini telah menurunkan di sini tandatangan-tandatangan dan meteri-meteri mereka pada haribulan dan tahun yang mula tertulis di atas:

**PEGAWAI:**

Tandatangan:

Nama:

TANDATANGAN DAN NAMA PEGAWAI

**Di hadapan Saksi:**

Tandatangan:

Nama:

Alamat:

Pekerjaan:

No. Kad Pengenalan:

Cop Rasmi:

TANDATANGAN DAN BUTIRAN SAKSI

SAKSI MERUPAKAN PENJAWAT AWAM GRED 41 DAN KEATAS

**JADUAL**

(Dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini)

| BAHAGIAN | PERKARA | BUTIR-BUTIR |
|---|---|---|
| 1. | Tarikh PERJANJIAN | hb 20 |
| 2. | PEGAWAI | Nama:<br>No. Kad Pengenalan:<br>Tarikh Lahir:<br><br>Alamat Tetap:<br><br><br><br>Emel: |
| 3. | Surat Tawaran | No. Rujukan:<br><br>Tarikh: |
| 4. | Jenis Kelulusan | CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP) DENGAN TAJAAN BIASISWA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) |
| 5. | Tempoh Pengajian | |
| 6. | Tempoh Kontrak Berkhidmat Dengan Kerajaan:<br><br>(a) Tamat Pengajian dalam Tempoh Pengajian;<br><br>atau<br><br>(b) Tamat Pengajian dengan Pelanjutan | <br><br><br><br><br><br>Rujuk Surat Kelulusan Pelanjutan |
| 7. | Jumlah Tuntutan:<br><br>(a) Tamat Pengajian dalam tempoh tajaan;<br><br>atau<br><br>(b) Tamat Pengajian dengan pelanjutan | <br><br><br><br><br><br>Rujuk Surat Kelulusan Pelanjutan |

TARIKH PERJANJIAN DIBUAT

BUTIRAN PEGAWAI

NO RUJUKAN SURAT TAWARAN SEMENTARA

KOSONGKAN

..............................

t.t ringkas pegawai

TANDATANGAN RINGKAS PEGAWAI